

Pusat sehenti sepadu elak kerengah birokrasi

PM mahu pelaksanaan projek besar sentiasa berjalan lancar

Oleh Veena Rusli, Amirullah Andi Nur dan Suzianah Jiffar

KOTA KINABALU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan diwujudkan pusat sehenti bagi pelbagai agensi yang terbabit dalam pelaksanaan projek besar, selaras usaha mengurangkan kerengah birokrasi yang melambatkan kemajuannya.

Pendekatan itu, tegas Perdana Menteri, akan memberi ruang kepada wakil agensi berkenaan terutama jabatan kerajaan, mengenal pasti langkah wajar diambil supaya kelancaran perjalanan projek tidak terjejas oleh prosedur yang memakan masa.


"Ini kaedah terbaik dan saya mahu mereka melakukannya. Dengan ada pusat sehenti ini, jabatan yang diwakili pegawai masing-masing boleh bertemu seminggu sekali bagi membincangkan hal berkaitan projek, terutama yang bersangkutan-paut dengan kepentingan rakyat.

"Apabila kerap bertemu, mereka juga boleh mencari jalan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul kerana kita tidak mahu pemohon terpaksa pergi ke sana sini dan naik turun pejabat untuk menemui pegawai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada majlis perjumpaan dengan Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Teluk Likas di sini, semalam. Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Pada sidang media selepas itu, Abdullah berkata, pusat sehenti itu akan memudahkan pelbagai pihak, berbanding amalan semasa yang memerlukan terlalu banyak jabatan membuat keputusan dalam pelaksanaan sesuatu projek.

"Kadang-kadang lima, enam, tujuh malah ada yang sampai 10 pihak kena buat keputusan... ada satu projek hotel tu sampai lebih 70 lesen diperlukan.



ADA KEMAHIRAN: Abdullah sambil diperhatikan Musa (kanan) mencuba menoreh pokok getah selepas melancarkan Ladang Getah Lembaga Industri Getah Sabah di Semenanjung Bengkoka di Pitas, semalam.

"Kalau semua pihak boleh duduk semeja dan bermuafakat, banyak masalah boleh diatasi selain dapat mempercepatkan proses kelulusan yang membabitkan banyak pelarasan," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, amalan pilihan raya lima tahun sekali di negara ini bukan bermakna beliau bekerja semata-mata untuk memastikan kemenangan pada pilihan raya umum.

"Kerajaan perlu berdepan dengan pilihan raya setiap lima tahun, anda sebagai kakitangan sektor awam tidak perlu menghadapinya.

"Bagaimanapun, kita bekerja kerana rakyat... rakyat yang membentuk kerajaan," katanya.

Ketika diminta mengulas cadangan Pas membariskan calon kaum Cina pada pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata, sekarang bukan masanya untuk memikirkan soal pilihan raya.

Mengikut laporan, Pas meramalkan pilihan raya umum akan diadakan selewat-lewatnya April 2008.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis pelancaran Ladang Getah Lembaga Industri Getah Sabah di Semenanjung Bengkoka, dekat Pitas

semalam, Abdullah berkata Kerajaan Persekutuan komited untuk membangunkan kawasan luar bandar di seluruh negara dalam usaha membasmi kemiskinan.

Katanya, walaupun kadar kemiskinan di negara ini kini kurang 10 peratus, kerajaan akan memastikan kesejahteraan penduduk luar bandar terus dibela dan tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

"Kita mahu berusaha lagi... yang miskin teruk kita mahu tiadakan pada 2010. Kita akan kerja kuat untuk menghapuskan kemiskinan," katanya.